

SULIT

LATIH TUBI SPM 2022

BAHASA MELAYU

Kertas 1

2 jam

Set 1

1103/1



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

LATIH TUBI SPM 2022

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

DUA JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Latih Tubi ini mengandungi 4 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

Bahagian A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan gejala sosial remaja.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang cara-cara menangani gejala sosial dalam kalangan remaja.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



CEGAH GEJALA SOSIAL REMAJA SEBELUM PARAH
"MASALAH INI PERLU DIBERIKAN PERHATIAN DEMI MASA DEPAN



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

KUALA NERUS : Kerakusan segelintir pihak mengejar keuntungan sehingga menyetepikan aspek penjagaan alam sekitar menjadi punca utama kemusnahan alam sehingga berlaku pemanasan global, pencemaran air, udara dan tanah serta peningkatan pembuangan sisa pepejal. Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI), Dr Hafizan Jauhari berkata, pencemaran alam sekitar yang berlaku sekarang berpunca daripada sikap tamak segelintir pihak yang tidak sensitif dengan kepentingan mengekalkan keindahan alam sekitar.

Sumber : Berita Harian, 18 September 2018

Berdasarkan petikan akhbar di atas, bincangkan punca-punca kemusnahan alam sekitar di negara kita.

2.

E-dompet ialah aplikasi yang berfungsi seperti dompet fizikal, iaitu menyimpan wang, kad debit dan juga maklumat akaun bank dalam bentuk aplikasi digital. Bank Negara Malaysia telah mula mengeluarkan lesen penggunaan e-dompet pada penghujung tahun 2018. Semenjak itu, orang ramai boleh menjalankan urusan jual beli tanpa menggunakan wang secara fizikal. Seterusnya, penggunaan e-dompet ini akan membawa Malaysia ke arah negara tanpa tunai.

Sumber : Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5

Petikan di atas menerangkan penggunaan e-dompet dalam kehidupan masyarakat kita. Bincangkan kelebihan-kelebihan yang anda peroleh apabila menggunakan e-dompet.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

3.

Baginda bertitah, agama Islam dan semua agama di dunia mengutuk serta mencela amalan rasuah kerana amalan tersebut bagaikan barah yang boleh menghancurkan sebuah tamadun. "Sejarah telah kerap membuktikan bahawa jatuh atau banggunya sesebuah negara berkait rapat dengan sikap jujur, amanah dan integriti, seperti dalam catatan sejarah Melayu 'Sulatus Al-Salatin'. Tun Sri Lanang meriwayatkan keruntuhan kerajaan Melaka yang terbina ratusan tahun lamanya akibat perbuatan rasuah Bendahara Seri Maharaja," titah baginda. Al-Sultan Abdullah bertitah, arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan bukan hanya membawa kesan kepada ekonomi tetapi juga pelbagai impak dari segi sosiobudaya. "Tanpa kita sedari, fenomena ini turut meninggalkan kesan kepada sifat-sifat terpuji dan nilai-nilai moral sesuatu masyarakat," titah baginda lagi.

Sumber : Berita Harian, 14 Jun 2022

Sebagai respons kepada petikan akhbar di atas, anda diminta menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Kesan-kesan Amalan Rasuah kepada Masyarakat dan Negara'.

Tulis rencana tersebut selengkapnya.

4.

Perindustrian Kecil dan Sederhana (PKS) berpotensi memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara. PKS juga boleh menyediakan asas-asas yang kukuh untuk menjanakan pertumbuhan industri baharu di samping mengukuhkan industri sedia ada. Namun begitu, PKS juga menghadapi pelbagai isu. Antara isu utama yang dihadapi oleh PKS termasuklah isu pemasaran produk.

Sumber : Berita Harian, 14 Jun 2022

Sebagai seorang pengusaha PKS, banyak isu pemasaran produk yang perlu difikirkan dan diselesaikan.

Bincangkan isu-isu yang dihadapi oleh pengusaha dalam memasarkan produk PKS.

- KERTAS SOALAN TAMAT -